



**KENYATAAN MEDIA**  
**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**  
**DAN**  
**MENTERI KEWANGAN II**  
**NEGERI SABAH**

---

**A. LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 di Negeri Sabah pada hari ini adalah sebanyak 304 kes. Bilangan kematian adalah 3 orang. Jumlah kumulatif kes COVID-19 di negeri ini adalah sebanyak 5,797 kes. Sehingga hari ini, seramai 2,322 pesakit dilaporkan telah sembuh dan pada hari ini, seramai 3,429 pesakit sedang menerima rawatan di dalam wad.
- 2 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:

<b>Daerah</b>	<b>Bilangan Kes Baharu</b>	<b>Daerah</b>	<b>Bilangan Kes Baharu</b>
Tawau	31	Beaufort	6
Semporna	33	Ranau	0
Kota Kinabalu	58	Sipitang	3
Lahad Datu	29	Tambunan	5
Sandakan	21	Kudat	18
Tuaran	15	Pitas	1
Kunak	13	Tenom	1
Papar	16	Kuala Penyu	0
Penampang	19	Beluran	0
Putatan	11	Tongod	0
Kota Belud	16	Kota Marudu	6
Kinabatangan	0	Telupid	0
Keningau	2	Nabawan	0

## **B. BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)**

- 1 Pengagihan bantuan bakul makanan (*food basket*) kepada golongan sasar sedang berjalan lancar. Sehingga hari ini, 26,178 bakul makanan telah diagihkan.

## **C. PELAKSANAAN SOP PKPB SELURUH NEGERI**

- 1 Kerajaan Negeri banyak menerima pertanyaan daripada orang awam kerana terdapat kekeliruan terutamanya tentang kebenaran beroperasi bagi semua sektor ekonomi, industri dan perniagaan .
- 2 Kekeliruan ini timbul kerana SOP PKPB yang dikeluarkan bagi daerah-daerah dalam zon merah sebelum ini hanya membenarkan perkhidmatan perlu (*essential service*) sahaja.
- 3 Saya ingin menjelaskan bahawa SOP yang digunakan oleh seluruh negeri Sabah pada ketika ini adalah berdasarkan **SOP yang dikeluarkan oleh MKN bertarih 14 Oktober 2020**. SOP sebelum ini tidak terpakai kecuali SOP PKPD yang sedia ada untuk sepuluh (10) lokaliti yang sedang melaksanakan PKPD.
- 4 Saya ingin memaklumkan bahawa pengusaha / peniaga dalam sektor ekonomi, industri dan perniagaan **TIDAK PERLU** lagi memohon kebenaran kepada Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sabah (COVID-19) untuk kebenaran beroperasi.
- 5 Selaras dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di seluruh Negeri Sabah yang bermula 13hb Oktober 2020, maka dengan ini semua arahan sebelum ini yang melibatkan PKPB di sebelas (11) daerah adalah dengan sendirinya **TERBATAL**.
- 6 Saya juga ingin menjelaskan bahawa aktiviti-aktiviti berikut adalah **TIDAK DIBENARKAN BEROPERASI** sepanjang tempoh PKPB, iaitu:
  - (i) Pasar Malam, Pasar Tani dan Tamu.
  - (ii) Pusat-pusat / Premis Hiburan, Kelab-kelab Hiburan termasuk kelab malam, pub, panggung wayang dan aktiviti perjudian.
  - (iii) Rumah urut /pusat refleksologi /rawatan muka (*facial*) /*manicure and pedicure*.

#### **D. PUSAT PENGURUSAN COVID-19 NEGERI**

- 1 Sebarang pertanyaan atau maklumat terkini, orang awam boleh menghubungi **BILIK OPERASI PENGURUSAN BENCANA NEGERI (COVID-19)** melalui Portal **command.sabah.gov.my** atau Facebook **fb.com/sabahcovid** atau Twitter **sabahcovid** atau menghubungi terus Bilik Operasi di talian **088-369430** (8.00 pagi hingga 8.00 malam).
- 2 Orang awam juga boleh menghubungi **PUSAT KAWALAN OPERASI BENCANA NEGERI SABAH** melalui talian 088-369434 (24 jam).

Semua penduduk Negeri Sabah adalah diperingatkan untuk sentiasa peka dengan nasihat yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dari semasa ke semasa. Marilah kita sama-sama memutuskan rantai COVID-19.

**#kitajagakita #stayhome #staysafe**

Sekian.

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
15 Oktober 2020**